

# Pelajar FKAL jayakan 'Infaq Crowdfunding' kepada Madrasah Al Ansar

UB 28.12.2023 P.06

**LABUAN:** Pelajar Kursus Pengurusan Wakaf Program Kewangan Islam, Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) sekali lagi menjayakan Infaq Crowdfunding iaitu pengumpulan dana melalui platform KitaFund.

Pensyarah Kursus Pengurusan Wakaf Dr Haneffa Muchlis Gazali berkata, kutipan dana ini digunakan untuk membeli peralatan kelengkapan harian bagi kegunaan pelajar di Madrasah Al Ansar, Taman Mutiara Kampung Sungai Bedaun di sini.

Katanya, antara peralatan yang disumbangkan adalah

kipas angin, rak kasut, rehal, rak baju dan papan putih untuk kegunaan 29 pelajar tahfiz berkenaan.

"Projek ini salah satu tugas bagi melengkapkan penilaian Kursus Pengurusan Wakaf yang diambil pelajar pada semester ini," katanya.

Haneffa berkata, projek itu juga salah satu inisiatif di bawah Projek SULAM iaitu kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menggabungkan hasil pembelajaran kursus dengan khidmat komuniti dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Majlis penyerahan peralatan itu disempurnakan oleh Ketua Projek Infaq

Crowdfunding, Nur Faliza Adam kepada Pengerusi Madrasah Al Ansar Drs Masdaud Mapalili.

Sementara itu, Masdaud mengucapkan ribuan terima kasih kepada penderma, pensyarah dan pelajar yang terlibat dalam menjayakan projek pada kali ini.

Projek berkenaan dilaksanakan oleh sembilan pelajar Kewangan Islam yang diketuai oleh Nur Faliza Adam, bersama Nur Afrina Appri, Nurul Izzati Ahmad, Sia Sapini dan Sitti Jaisah Ahmad Jais.

Turut terlibat, Muhammad Afiq Arlan, Mohd Firdaus Ibnu Habir, Mohd Haiqal Ramli dan Muhammad Salman Latapa.



**BANTU:** Nur Faliza (tengah) menyerahkan dokumen peralatan kelengkapan harian kepada Masdaud sambil disaksikan oleh Haneffa.



**PRIHATIN:** Haneffa (enam kiri), Nur Faliza (lima kiri) dan Masdaud (tengah) bersama pelajar Pusat Madrasah Al Ansar Labuan.



**TERUJA:** Pelajar Kursus Pengurusan Wakaf Program Kewangan Islam teruja dapat membantu Pusat Madrasah Al Ansar Labuan.